

**NO SOALAN : 64**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA  
PERTAMA MOHAMAD  
IMRAN BIN ABD HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 11.03.2014  
(SELASA)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah benar terdapat ramai bekas warga tentera yang dihilangkan rekod perkhidmatan daripada simpanan Jabatan Hal Ehwal Veteran antaranya 411126 Mejar (B) Ali Al Hussaini Sharif dari Kor Risik ATM dan mereka dinafikan faedah melalui JHEV dan jika ya, nyatakan berapa ramaikah mereka yang terlibat.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kenyataan ini adalah tidak benar. Rekod perkhidmatan (fail peribadi) bekas anggota tentera (berpencen dan tidak berpencen) terdapat di dalam simpanan Bahagian Perkhidmatan Anggota (BPA), Markas Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian Pertahanan. Manakala bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat (LLP) yang berpencen, fail pencen mereka berada di dalam simpanan Bahagian Pencen, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Bagi kes yang dirujuk oleh YB Lumut, pihak kementerian tidak dapat menyiasat dakwaan yang dikemukakan kerana maklumat nombor tentera (411126) yang diberikan adalah milik pegawai lain.**